Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Sistem 'turnkey' akan kekal untuk percepat projek

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Abdul Rahman hari ini berkata, kerajaan bercadang mengekalkan sistem 'turnkey' bagi mempercepat pelaksanaan berbagai projek pembangunan.

Sistem tersebut juga didapati dapat meminimatkan perbelanjaan serta mengurangkan penggunaan tenaga manusia, katanya semasa menjawab pertanyaan Senator K. Kumaran di Dewan Negara.

Adalah menjadi hasrat kerajaan melaksanakan semua projek pembangunannya sebanyak mungkin segera yang boleh. Tetapi kadangkala kelewatan atau 'shortfall' tidak dapat dielakkan kerana beban pembangunan yang berat yang sedang dihadapkan pada masa ini.

Dilaksana

"Sebagai satu langkah mengatasi keadaan ini, kerajaan telah mengambil dasar usaha mengkaji dan meneliti sistem-sistem pelaksanaan projek cara moden yang dapat menjimatkan masa dan juga perbelanjaan. Satu di antara sistem yang dimaksudkan ialah sistem pelaksanaan turnkey," katanya.

Tambah beliau, sistem pelaksanaan 'turnkey' bukan merupakan satu cara baru yang dimaikan di negara ini.

Ia telah dilaksanakan dengan jayanya di dalam pelaksanaan projek kabel dasar laut Kuantan-Kuching, steseyen penerima satelite bumi di Melaka, hanger TUDM di Labuan dan test cell airod bagi TUDM di Subang.

Pada masa ini sistem ini sedang digunakan di dalam pembinaan Projek Daya Bumi, jelasnya.

DATUK CHAN SIANG SUN

$141j biasiswa untuk pelajar di luar negeri

KUALA LUMPUR, Isnin — Dewan Negara hari ini diberitahu, kerajaan mengeluarkan $141,530,918 biasiswa untuk membiayai pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri bagi tahun ini.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Chan Siang Sun memberitahu Senator S. Subramaniam semasa soal-jawab, seramai 13,892 dari 49,030 pelajar yang sedang menuntut di luar negeri hingga Disember tahun ini adalah pemegang biasiswa kerajaan.

Beliau menambah, kerajaan kini sedang mengkaji keperluan untuk menubuhkan sebuah universiti baru di negara ini.

"Untuk makluman Yang Berhormat, universiti-universiti yang sedia ada masih lagi dalam proses perkembangan dan belum mencapai jumlah pelajar maksima antara 8,000 hingga 10,000 orang setiap universiti.

"Ketika ini hanya Universiti Malaya yang sudah mencapai jumlah pelajar antara 8,000 hingga 10,000 sedangkan empat universiti yang lain belum mencapai jumlah pelajar tersebut," jelasnya.

Felda perlukan 6,000 peneroka lagi tahun depan

KUALA LUMPUR, Isnin — Felda akan menempatkan sekurang-kurangnya 6,000 peneroka baru tahun depan, kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Jalal Abu Bakar.

Beliau memberitahu Senator S. Subramaniam semasa soaljawab di Dewan Negara, keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang telah lama menunggu.

Menjawab bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Jalal menjelaskan, Felda berharap sebahagian besar daripada calon yang telah ditemuduga dalam tahun 1974 akan dapat ditempatkan akhir tahun depan.



DATUK JALAL

Berusaha

"Pada masa ini calon-calon yang berjaya dan dianaraikan sebagai calon menunggu ialah seramai 10,850. Dari jumlah itu, 4,246 adalah mereka yang berjaya ditemuduga dalam tahun 1974," katanya.

Beliau menambah, antara sebab-sebab kelewatan menempatkan calon yang berjaya ditemuduga ialah ketiadaan atau kekurangan rancangan-rancangan baru yang dibuka oleh Felda di negeri-negeri di mana mereka berasal.

Bagi calon-calon menunggu dari negeri yang mempunyai kurang atau tiada rancangan-rancangan Felda, pihak Felda acntiasa berusaha membawa mereka ke negeri-negeri lain, tetapi penempatan mereka adalah tertakluk kepada pertujuan kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan.

Pada masa ini hanya kerajaan Negeri Pahang dan Negeri Sembilan sahaja yang bersetuju menerima calon-calon dari luar dengan bilangan terhad, iaitu bagi Pahang 50% dan Negeri Sembilan 10% dari tempat-tempat disediakan.

Adalah diharapkan di masa akan datang, negeri-negeri di mana terdapat banyak rancangan-rancangan baru akan menerima ramai lagi calon-calon dari negeri-negeri yang kurang atau tiada mempunyai rancangan-rancangan Felda, tambahnya.

Sementara itu, Menteri Pertanian, Datuk Abdul Manaf Othman hari ini berkata, kerajaan sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan skim insuran tanaman di negara ini.

Menjawab pertanyaan Senator Syed Kamarulzaman Syed Baharudin di Dewan Negara beliau berkata, kementerian nya kini sedang menjalankan satu kajian peringkat awal mengenai skim tersebut.

Senator Syed Kamarulzaman bertanya sama ada kerajaan bercadang melaksanakan skim berkenaan bagi tujuan mengurangkan beban kerajaan dalam menampung kerugian yang dialami oleh para petani.

"Kementerian saya sedang menjalankan kajian peringkat awal terhadap kemungkinan mengadakan skim insuran tanaman," katanya.

Mengikut tinjauan awal ini, negara-negara yang pernah melaksanakan sekim seperti ini telah menghadapi beberapa masalah besar dan juga mengalami kerugian.

Oleh itu kita perlu mengkaji secara mendalam implikasi-implikasinya sebelum sekim tersebut boleh dilaksanakan, tambahnya.

Ketua2 polis diberi kuasa tentang guna senjatapi

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Abdul Rahim Datuk Tamby Chik menolak dakwaan bahawa anggota-anggota polis yang menjalankan tugas rondaan biasa tidak dibekalkan senjata api.

Menjawab pertanyaan Senator Ishak Abdul Rahman semasa soaljawab di Dewan Negara hari ini, beliau berkata:

"Satu kajian mendalam telah dijalankan mengenai peraturan menggunakan senjatapi dan didapati anggota-anggota polis yang bertugas di beberapa tempat tertentu tidak perlu menggunakan senjatapi.

Salahguna

"Di bawah peraturan baru, ketua-ketua polis negeri dan ketuaketua polis cawangan diberi kuasa menentukan, sclepas mengkaji keadaan keselamatan dan ancaman, tempat-tempat di mana senjatapi perlu digunakan semasa bertugas."

Beliau menambah, ketua-ketua polis negeri dan daerah juga diberi kuasa menentukan tempat-tempat di mana kedua-dua senjatapi dan cota patut digunakan dan tempat-tempat di mana penggunaan cota sahaja sudah memadai.

"Patut diingat bahawa peraturan baru ini adalah satu garis panduan sahaja", tegasnya.

Encik Abdul Rahim menegaskan juga, tidak terdapat peraturan yang membolehkan seseorang anggota polis menyalahgunakan kuasa, termasuk menyiksa orang-orang tahanan.

Menjawab pertanyaan Senator Hajjah Salmah Sheikh Hussain beliau berkata, anggota polis yang menyalahgunakan kuasa melanggar peraturan dan tidak terkecuali dari tindakan undang-undang.

Dari tahun 1979 hingga September lalu, sebanyak 121 aduan mengenai penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis terhadap orang tahanan diterima.

Dari aduan-aduan itu siasatan dijalankan dan 12 anggota polis telah didakwa di mahkamah dan seorang diambil tindakan tatatertib, katanya.

Sejumlah 28 aduan tersebut telah tidak diambil tindakan kerana tidak mempunyai keterangan yang mencukupi manakala 80 aduan lagi masih di dalam tindakan penyiasatan.

Timbalan Menteri itu menegaskan, tidak terdapat peraturan atau undang-undang yang membolehkan seseorang anggota polis menyalagkunakan kuasa seperti menyiksa orang-orang yang ditahan.



ENCIK RAHIM THAMBY CHIK

Kerajaan tak beku

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Abdul Rahman, hari ini menolak dakwaan bahawa Kerajaan telah membekukan tawaran kepada firma-firma British.

"Apa yang sebenarnya berlaku ialah Kerajaan tidak lagi memberi keutamaan atau keistimewaan kepada barang-barang atau tawaran kerja oleh syarikat-syarikat British seperti di masa lalu," katanya menjawab pertanyaan Senator V.V. Aboo.

"Tidak benar bahawa tawaran-tawaran kepada firma-firma British dibekukan," jelasnya.

Petronas cadang pindahmilik 50% 'skid tank' pada Bumiputera

KUALA LUMPUR, Isnin — Petronas bercadang memindahmilikkan 50 peratus daripada 21 'skid tank' kepunyaannya di seluruh negara kepada pengusaha Bumiputera tidak lama lagi, Dewan Negara diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Abdul Rahman berkata, bakinya akan kekal dimiliki oleh Petronas.

Pasaran

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan tambahan Senator Ibrahim Abdullah, yang ingin tahu sama ada kerajaan bercadang memberi peluang kepada usahawan Bumiputera bergiat di bidang penjualan minyak.

Beliau menjelaskan, Petronas memang mempunyai rancangan untuk menyediakan perkhidmatan seluas-luasnya bagi meliputi seluruh negara.

Bagaimanapun, tambahnya rancangan itu bergantung sebahagian besarnya kepada permintaan pasaran dan kejayaan mendapatkan tapak-tapak yang sesuai.

DATUK ABDULLAH

Pada masa ini Petronas menjual diesel dan minyak tanah melalui 21 stesen skid tank di seluruh Malaysia. Dua buah stesen minyak petrol yang pertama memulakan operasinya di Kuala Lumpur tahun ini.

Lebih banyak stesen-stesen seperti ini sedang dirancang untuk dibina di seluruh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, jelasnya.

Selain dari itu, tambah Datuk Abdullah, Petronas juga menjual secara langsung minyak diesel kepada agensi-agensi kerajaan, kilang-kilang dan syarikat-syarikat pengangkutan di seluruh negara.

Manakala jualan runcit gas memasak bermula Oktober tahun ini di Alor Setar, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Petronas juga membekalkan minyak bunker ke Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Keiang dan minyak aviation ke Lapangan Terbang Senai, Bayan Lepas dan Subang, tambahnya.

42 kilang miliki alat2 bahan radioaktif

KUALA LUMPUR, Isnin — Pengimportan dan penggunaan bahan-bahan radioaktif di negara ini terkawal di bawah Akta Benda-benda Radioaktif, 1968, di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan, kata Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Encik William Lye.

Mengikut peraturan akta itu, katanya seseorang hendaklah mendapat permit terlebih dulu daripada Kementerian Kesihatan bagi membuat, menjual, menyimpan, mengimport dan mengeksport, mengguna dan mengendalikan bahan-bahan radioaktif.

Beliau menegaskan demikian semasa menjawab pertanyaan Senator K. Kumaran semasa soaljawab di Dewan Negara.

Menurutnya, kini terdapat 42 kilang yang memiliki alat-alat bahan radioaktif di Semenanjung Malaysia.

Encik Lye berkata, kebanyakan daripadanya ialah kilang-kilang elektronik yang menggunakan bahan radioaktif dalam proses pengeluarannya.

Selain dari itu, 14 syarikat pemeriksaan bebas yang menggunakan bahan radioaktif untuk mengesan sebarang keretakan atau kecacatan sesuatu alat logam.

Mana-mana jentera yang menggunakan bahan radioaktif adalah dipasang di tempat-tempat yang terkawal dan terlindung di kilang-kilang berkenaan.

Hanya orang-orang yang mempunyai surat kelulusan dari Kementerian Kesihatan sahaja dibenarkan menggunakan jentera-jentera tersebut, katanya.

Semua operator jentera-jentera itu diwajibkan memakai lencana yang dioaktif, tambahnya.